



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA

Lembaga Koko Malaysia mempelawa permohonan dari warganegara Malaysia bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf tetap di Lembaga Koko Malaysia seperti berikut:-

SETIAUSAHA PEJABAT

(Bil. Kekosongan : 1 - Penempatan : Ibu Pejabat Kota Kinabalu)

- i. *Klasifikasi Perkhidmatan* : Pentadbiran dan Sokongan
- ii. *Kumpulan Perkhidmatan* : Pelaksana
- iii. *Taraf Jawatan* : Tetap
- iv. *Jadual Gaji* :

Gred	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
N27	RM1,362.00	RM5,092.00	RM145.00

- v. *Syarat Kelayakan* :
 - a) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 : RM1,362.00) atau
 - b) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 : RM1,661.95)
- DAN** c) Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat-Syarat Permohonan

- i) Terdiri daripada warganegara Malaysia.
- ii) Calon-calun bagi lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- iii) Bagi calon-calun yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan hendaklah berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh iklan serta mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan mengemukakan bersama Laporan Nilai Prestasi Tahun 2013, Kenyataan Perkhidmatan yang kemas kini dan Laporan Pengisytiharan Harta.

Penaklukan Di bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan

Pegawai yang memasuki skim perkhidmatan Setiausaha Pejabat adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Cara Memohon

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **borang permohonan yang boleh** dicetak melalui Laman Sesawang Lembaga di alamat www.koko.gov.my

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta sekeping gambar berukuran paspot dan salinan Diploma (termasuk transkrip keputusan peperiksaan semua semester), STPM/SPM/SRP/PMR, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain dokumen (spt, kad pengenalan, sijil lahir, dll lagi) yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional dan hendaklah dihantar tidak lewat pada **21 MEI 2014** ke Ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia di alamat:-

**KETUA PENGARAH
LEMBAGA KOKO MALAYSIA
TINGKAT 6, WISMA SEDCO,
LORONG PLAZA WAWASAN
OFF COASTAL HIGHWAY
BEG BERKUNCI 211
88999 KOTA KINABALU, SABAH.
(U.P : UNIT PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN)**

Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatit disudut atas sebelah kiri sampul surat.

Sebarang **permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan** dan **akan dianggap tidak berjaya**, hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.